

'Jangan jadi jaguh isu kuil'

PM nasihat semua pihak tidak beri respons tak wajar isu perpindahan Kuil Dewi Sri Pathrakaliamman

SEPANG

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memaklumkan, pihak berkaitan isu perpindahan Kuil Dewi Sri Pathrakaliamman di Jalan Masjid India, Kuala Lumpur sedang berunding dan mencari jalan terbaik untuk menyelesaikan perkara itu bagi memastikan ia berjalan lancar.

Beliau berharap usaha mencari jalan terbaik terus dilaksanakan oleh pihak berkepentingan agar isu tersebut dapat diselesaikan dengan baik.

Perdana Menteri turut mengingatkan semua pihak agar tidak menjadi 'jaguh' dalam isu berkenaan.

"Masalahnya ada penunggang agama termasuk peguam yang tidak pernah terbabit dalam ke-

giatan agama Hindu terus jadi jaguh dan buat kenyataan umpamanya nak merobohkan (kuil).

"Saya tidak boleh bayangkan saya sebagai Perdana Menteri merobohkan mana-mana kuil atau kegiatan agama lain," katanya selepas menunaikan solat Jumaat di Masjid Sultan Abdul Samad Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini pada Jumaat.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, tanah berkenaan bukan milik kerajaan, sebaliknya milik pihak swasta sejak 2012 dan pemiliknya memutuskan untuk membangunkan masjid di lokasi itu.

"Kuil lama dan statusnya tidak mendapat kebenaran, tidak sah tetapi bagi memastikan hubungan kita harmoni, syarikat (pemilik tanah)

setuju untuk menyalurkan sedikit bantuan manakala pihak DBKL (Dewan Bandaraya Kuala Lumpur) sebenarnya sudah mencari tapak tanah ganti, supaya tidak menjadi masalah.

"Saya juga harap tidak perlu ada respons yang kurang wajar termasuk dalam kalangan masyarakat Islam dan kita tangani dengan baik kerana masjid akan terus dibina serta tapak kuil akan disediakan," katanya.

Media pada Khamis melaporkan proses perbincangan mengenai perpindahan Kuil Dewi Sri Pathrakaliamman yang terletak di atas tanah milik Jakel Group berjalan dengan harmoni di antara pihak-syarikat, pengurusan kuil dan DBKL.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif dilaporkan berkata, DBKL berperanan menjadi pemudah cara dalam memastikan urusan perpindahan itu yang terletak di atas tanah swasta ke lokasi baharu diselesaikan dengan baik.

- Bernama



Laporan Sinar Harian pada Jumaat.